

P.U. (A) 343/2005

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

**PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN JADUAL 1)
2005**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 32A(4) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan Jadual 1) 2005**.

Pindaan Jadual 1

2. Jadual 1 kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dipinda—

(a) dalam perenggan 6, dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Perindustrian Sekuriti 1983” perkataan “atau mana-mana bursa lain di luar Malaysia yang diiktiraf di bawah kaedah-kaedah suatu bursa yang diluluskan oleh Menteri menurut subseksyen 8(2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983”;

(b) dalam perenggan 12, dengan memasukkan selepas perkataan “yang dibuat kepada pemegang sedia ada bagi sekuriti itu” perkataan “atau yang dibuat kepada seseorang yang termasuk dalam perenggan 9, 10 atau 11 Jadual 2”;
dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan 15 perenggan yang berikut:

“16. Semua dagangan debentur dan sekuriti Islam dalam denominasi matawang asing yang dilaksanakan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

Dibuat 7 September 2005

[KK/BPKA/K2/(S)/483/1/5; PN(PU²)523/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua